

Persepsi Majikan Terhadap Pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa Menjalani Latihan Industri

BITARAVolume 3, Issue 4, 2020: 026-035
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Employer Perception of Kolej Komuniti Jempol Students during Industrial Training]

Mesheta Mohd Noor¹ & Norazah Abdullah¹

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini menggunakan soal selidik yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Kolaborasi dan Keusahawanan, Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti. Walaubagaimanapun kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang majikan dan nilai alpha cronbach's yang diperolehi adalah 0.955. Jumlah responden adalah 99 orang pelajar latihan industri Kolej Komuniti Jempol bagi sesi Disember 2019. Data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science Software Version 22.0* (SPSS) untuk mendapatkan min, ujian-t dan korelasi pearson. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap persepsi majikan terhadap pelajar-pelajar Kolej Komuniti Jempol bagi kesemua aspek adalah berada tahap tinggi dengan purata skor min 4.185. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan tahap kepuasan majikan terhadap pelajar-pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Jempol mengikut jantina dan nilai korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah diantara persepsi majikan terhadap pelajar-pelajar berdasarkan jantina.

Kata kunci:

Majikan, Kolej Komuniti, Latihan Industri, Persepsi.

Abstract

This study is a quantitative study that uses a questionnaire as a research instrument. The questionnaire is provided by Bahagian Kolaborasi dan Keusahawanan, Jabatan Pendidikan dan Kolej Komuniti. However, a pilot study was conducted on 20 employers and the alpha cronbach's value was 0.955. A total of 99 respondents from Kolej Komuniti Jempol training students for December 2019. Study data were analyzed using *Statistical Package for Social Science Software Version 22.0* (SPSS) to obtain mean, t-test and pearson correlation. The findings of the study found that the level of employers perception of Kolej Komuniti Jempol students for all aspects are high level with an average score 4.185. There also no difference level of employer satisfaction for students by gender and correlation value shows that there's a weak relationship between employers perceptions of students based on gender.

Keywords:

Employer, Kolej Komuniti, Industrial training, Perception.

¹ Kolej Komuniti Jempol, Negeri Sembilan, Malaysia.

Corresponding Author:

Mesheta binti Mohd Noor, Kolej Komuniti Jempol, Taman Industri Mahsan, 72100 Bahau, Negeri Sembilan, MALAYSIA.
E-mail: kkjnmesheta@gmail.com

Cite This Article:

Mesheta Mohd Noor & Norazah Abdullah. 2020. Persepsi majikan terhadap pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa menjalani latihan industri. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 026-035.

Pengenalan

Latihan industri ialah syarat wajib bagi memenuhi syarat penganugerahan Sijil Kolej Komuniti. Antara objektif latihan industri adalah untuk memberikan pendedahan alam pekerjaan yang sebenar, mengaplikasikan pengetahuan teknikal serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan bekerja dalam kumpulan (Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Kolej Komuniti, 2017).

Tempoh pelaksanaan program latihan industri adalah selama 16 minggu. Tujuan utama program latihan industri dilaksanakan pada semester akhir adalah bagi memudahkan pelajar mendapat tawaran pekerjaan sejurus selepas menjalani latihan industri dapat meningkatkan bilangan kebolehpasaran graduan pelajar Kolej Komuniti.

Namun begitu, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kadar kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti. Terdapat pelbagai komen dan maklum balas daripada pihak majikan terhadap pelajar yang menjalani latihan industri. Untuk itu, kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan persepsi majikan terhadap pelajar yang menjalani latihan industri di premis bagi tujuan meningkatkan kualiti latihan industri.

Latar Belakang Masalah

Terdapat pelbagai isu yang timbul dalam pengurusan latihan industri. Perkara yang paling utama ialah pelajar seharusnya memilih tempat latihan industri yang sesuai dengan bidang pengajian dan mempunyai persekitaran yang baik. Kesilapan memilih tempat latihan industri bakal memberikan masalah kepada para pelajar. Menurut Salas et.al. (2012) organisasi perlu menyediakan satu persekitaran yang positif bagi membolehkan pekerja menggunakan apa yang dipelajari dalam latihan dan seterusnya meningkatkan keberkesanan organisasi. Manakala Kontoghiorghes (2004), pula menyatakan bahawa ciri-ciri organisasi yang mampu memotivasikan pekerja untuk menghadiri latihan pula adalah sangat penting bagi menjamin keberkesanan latihan tersebut. Justeru, pemilihan tempat latihan yang baik dan dapat memotivasikan pelajar akan membantu pelajar untuk lulus latihan industri dengan cemerlang. Program latihan industri adalah berkait secara terus dengan hasil proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Jempol. Pada semester terakhir, pelajar seharusnya telah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang mantap, kemahiran insaniah yang kukuh serta personaliti yang baik dan bersedia dalam menghadapi pengalaman alam pekerjaan yang sebenar.

Ini adalah kerana, majikan mempunyai permintaan yang tinggi terhadap pelajar yang mempunyai kemahiran *employability* dan bukan kemahiran teknikal sahaja. Menurut Ahmad Rizal Madal et al. 2009, kemahiran *employability* memberi perhatian kepada personaliti, sikap,

tabiat, cara berkomunikasi, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan serta proses mengurus organisasi.

Kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menggunakan komputer juga merupakan elemen penting dalam menentukan keberkesanan kerja. Dalam melahirkan k-worker, pengetahuan celik komputer merupakan salah satu perkara utama. Pengetahuan ini mampu menjadikan pekerja seorang yang kreatif, imaginatif, berkebolehan mengendalikan teknologi maklumat seiring dengan keperluan semasa (Mohd Yusof Ab. Hadi, 2005).

Selain itu, terdapat juga rungutan dari majikan berkaitan dengan pelajar tidak dapat berfikir secara kritis, tidak mampu menyelesaikan masalah, dan mempunyai masalah komunikasi. Secara umumnya, tahap kepuasan majikan bergantung kepada aspek penguasaan ilmu, sahsiah yang baik, kemahiran insaniah, kemahiran bekerja dan juga etika moral dan profesional (Sharifah Hana et al. 2015).

Penyataan Masalah

Kolej Komuniti melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran secara 70% praktikal dan 30% teori. Selain ilmu teknikal, pelajar juga diajar ilmu kemahiran insaniah atau kemahiran 'employability' termasuklah ilmu komunikasi, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Keusahawanan.

Justeru itu, penyelidik ingin mengenal pasti persepsi majikan terhadap kemahiran 'employability' pelajar semasa latihan industri kerana kemahiran ini merupakan kemahiran yang penting dalam melahirkan pekerja yang berkualiti dan mempunyai jati diri yang tinggi. Penyelidik juga ingin mengenal pasti persepsi majikan terhadap kebolehan pelajar dari segi aplikasi kemahiran teknikal semasa latihan industri secara keseluruhan dan berdasarkan jantina dalam meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti Jempol.

Objektif Kajian

1. Mengetahui persepsi majikan terhadap kemahiran *employability* pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa latihan industri berdasarkan aspek kemahiran teknologi, peraturan keselamatan dan amalan baik serta kemahiran generik.
2. Mengetahui perbezaan tahap persepsi majikan terhadap pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa latihan industri berdasarkan jantina.
3. Mengetahui hubungan di antara tahap persepsi majikan terhadap pelajar di Kolej Komuniti Jempol semasa latihan industri berdasarkan jantina.

Soalan Kajian

Daripada objektif kajian yang telah dinyatakan di atas, berikut adalah persoalan kajian yang dibina untuk menjawab objektif kajian:

1. Apakah persepsi majikan terhadap kemahiran *employability* pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa latihan industri berdasarkan aspek kemahiran teknologi, peraturan keselamatan dan amalan baik serta kemahiran generik?
2. Apakah perbezaan tahap persepsi majikan terhadap pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa latihan Industri berdasarkan jantina?
3. Apakah hubungan diantara tahap persepsi majikan terhadap pelajar di Kolej Komuniti Jempol semasa Latihan Industri berdasarkan jantina?

Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik yang diperolehi daripada Bahagian Kolaborasi dan Keusahawanan. Bagi memastikan kesahan borang soal selidik ini, kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang majikan dan nilai *Alpha Cronbach's* yang diperolehi adalah 0.955. Borang soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

Bahagian A: Demografi Responden

Bahagian B: Kajian Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Jempol mengikut aspek:

1. Kemahiran Teknologi
2. Peraturan Keselamatan & Amalan Baik
3. Kemahiran Generik

Soal selidik ini mengandungi 16 soalan yang diedarkan kepada majikan semasa lawatan penyeliaan latihan industri. Instrumen soal selidik ini mengukur elemen-elemen seperti tanggungjawab sosial, profesional, komunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan kemahiran ICT. Tanggungjawab sosial diukur dengan tanggungjawab diri dan organisasi, mematuhi prosedur dan polisi dan bertoleransi dengan pelbagai budaya.

Selain itu, elemen profesional diukur penampilan dan pakaian, amanah dan integriti, menerima teguran, mengurus masa, perwatakan dan menghormati pandangan, manakala elemen komunikasi pula dinilai melalui kebolehan lisan dan penulisan Bahasa Melayu dan Inggeris.

Seterusnya, elemen kerja berpasukan dinilai melalui kerjasama dalam pasukan, toleransi dan sumbangan dalam pasukan manakala elemen penyelesaian masalah dinilai dengan tahap kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dan kebolehan membuat keputusan. Akhir sekali, elemen kemahiran ICT dinilai melalui penggunaan perkakasan dan perisian ICT dan beretika (Hazilah et al. 2013).

Populasi kajian terdiri daripada 99 orang pelajar Kolej Komuniti Jempol yang sedang menjalankan latihan industri. Berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan 1950, bilangan sampel bagi kajian ialah 92. Kajian ini menggunakan 99 orang pelajar latihan industri sebagai sampel kajian yang dipilih secara rawak. Data yang telah diperolehi daripada soal selidik, dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science Software Version 23.0* (SPSS). Data yang

telah diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS 23.0* untuk mendapatkan hasil dapatan min dan ujian t serta nilai korelasi. Kajian ini menggunakan interpretasi skor min yang telah dirumuskan oleh Nunnally & Bernstein (1994) bagi mentafsirkan persoalan Kajian persepsi majikan terhadap pelajar-pelajar latihan industri di Kolej Komuniti Jempol. Jadual 1 menunjukkan interpretasi skor min (Nunnally & Bernstein, 1994).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min (Nunnally & Bernstein, 1994)

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan nilai korelasi, hubungan Pearson (Cohen, 1988). Jadual ini digunakan untuk mentafsir Ujian Korelasi Pearson bagi menentukan tahap persepsi majikan terhadap pelajar latihan industri Kolej Komuniti Jempol dari sudut aspek kemahiran teknologi, peraturan keselamatan dan amalan baik serta kemahiran generik berdasarkan jantina.

Jadual 2: Nilai korelasi, hubungan Pearson (Cohen, 1988)

Julat Korelasi	Kekuatan hubungan
0.10 hingga 0.29	Lemah
0.30 hingga 0.49	Sederhana
0.50 hingga 1.00	Kuat

Keputusan dan Perbincangan

Jadual 3 menunjukkan demografi responden bagi kajian mengikut jantina, bangsa dan program. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden kajian terdiri daripada lelaki iaitu 82.82%. Dapatan kajian juga mendapati bahawa bilangan responden yang paling ramai dalam kajian ini ialah Melayu iaitu 82.82% diikuti India 8.08% dan Cina 3.03%. 31.31% responden terdiri daripada pelajar dari program Sijil Teknologi Elektrik (SKE), 34.34% daripada pelajar dari program Sijil Teknologi Seni bina dan 34.34% program Sijil Servis Kenderaan Ringan.

Jadual 3: Demografi responden

Profail demografi	Frekuensi	Peratus
Jantina		
Lelaki	82	82.82
Perempuan	17	17.17
Bangsa		
Melayu	88	88.89
India	8	8.08

	Cina	3	3.03
	Lain-lain	0	0
Program			
	SKE	31	31.31
	STS	34	34.34
	SKR	34	34.34

Apakah persepsi majikan terhadap kemahiran *employability* pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa latihan industri berdasarkan aspek kemahiran teknologi, peraturan keselamatan dan amalan baik serta kemahiran generik?

Jadual 4: Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi aspek Kemahiran teknologi

Bil	Item Penilaian	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Kemahiran penggunaan alatan dan kelengkapan	4.1717	0.67067	Tinggi
2	Penyesuaian diri dengan keadaan persekitaran tempat kerja	4.1515	0.71946	Tinggi
3	Menggunakan ilmu yang dipelajari untuk menyempurnakan tugas	4.3030	0.74853	Tinggi
4	Menyesuaikan diri dengan kepelbagaian teknologi/ cara kerja baharu	4.1515	0.77412	Tinggi
5	Melaksanakan tugas tugas secara hands on	4.1111	0.72687	Tinggi

Jadual 4 di atas menunjukkan nilai min dan sisihan piawaian bagi kemahiran teknologi yang telah diperolehi. Berdasarkan kepada interpretasi skor min Nunnally & Bernstein (1994) nilai min kesemua item bagi aspek kemahiran teknologi memberikan interpretasi tinggi dan nilai sisihan piawaian memberikan taburan skor data yang baik. Dapatan kajian mendapati bahawa semasa latihan industri responden mempunyai kemahiran dalam menggunakan alatan dan kelengkapan yang diberikan. Justeru, responden juga berkebolehan dalam menyempurnakan tugas, menyesuaikan diri dengan kepelbagaian atau cara kerja baharu, menyesuaikan diri dengan persekitaran tempat kerja dan melaksanakan tugas secara *hands-on*.

Jadual 5: Nilai min dan sisihan piawai Peraturan Keselamatan & Amalan Baik

Bil	Item Penilaian	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Bertanggungjawab	4.2525	0.76055	Tinggi
2	Integriti	4.0606	0.90145	Tinggi
3	Etika Kerja	4.2525	0.81245	Tinggi
4	Proaktif	4.1010	0.78889	Tinggi
5	Berdikari	4.0808	0.85329	Tinggi
6	Kehadiran	4.1111	0.96773	Tinggi

Jadual 5 di atas menunjukkan nilai min dan sisihan piawaian bagi Peraturan Keselamatan dan Amalan Baik yang telah diperolehi. Berdasarkan kepada interpretasi skor min Nunnally & Bernstein (1994) nilai min kesemua item bagi aspek bagi Peraturan Keselamatan dan Amalan Baik memberikan interpretasi tinggi dan nilai sisihan piawaian memberikan taburan skor data yang baik. Ini menunjukkan bahawa, semasa latihan industri responden mempunyai sikap yang baik dan bertanggungjawab, mampu berdikari, proaktif, beretika, berintegriti tinggi dan mempunyai rekod kehadiran yang baik.

Jadual 6: Nilai min dan sisihan piawai bagi aspek kemahiran generik

Bil	Item Penilaian	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Kefahaman dan menjawab soalan	4.0808	.82902	Tinggi
2	Menghormati dan menerima pendapat	4.4343	.62534	Tinggi
3	Keyakinan idea	4.0404	.93590	Tinggi
4	Membina hubungan baik	4.4545	.70382	Tinggi
5	Penulisan yang sistematik	4.1717	.79591	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi aspek kemahiran generik. Didapati bahawa interpretasi bagi aspek Kemahiran Generik berada pada tahap tinggi dan nilai sisihan piawaian memberikan taburan skor data yang baik. Bagi aspek kemahiran generik, 6 item telah dinilai dan item yang memperolehi skor min tertinggi adalah membina hubungan baik dengan majikan iaitu 4.4545 dan menghormati serta menerima pendapat dengan nilai min 4.4343.

Jadual 7: Tahap persepsi majikan terhadap pelajar latihan industri mengikut aspek

Kemahiran	N	Mean	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kemahiran teknologi	99	4.1768	0.59895	Tinggi
Peraturan keselamatan dan amalan baik	99	4.1431	0.69905	Tinggi
Keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi	99	4.2364	0.63075	Tinggi
Min keseluruhan	99	4.1854	0.56848	Tinggi

Jadual 7 di atas menunjukkan nilai min dan sisihan piawaian tahap persepsi majikan terhadap pelajar-pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Jempol yang diperolehi mengikut aspek-aspek yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepada interpretasi skor min Nunnally & Bernstein (1994), didapati bahawa nilai min bagi kesemua aspek memberikan interpretasi tinggi dan nilai sisihan piawaian memberikan taburan skor data yang baik. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi majikan terhadap kemahiran “*employability*” pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa latihan industri berdasarkan aspek kemahiran teknologi, peraturan keselamatan dan amalan baik serta kemahiran generik berada pada tahap tinggi.

Apakah perbezaan tahap persepsi majikan terhadap pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa latihan Industri berdasarkan jantina?

Jadual 8: Tahap persepsi majikan terhadap pelajar latihan industri mengikut aspek berdasarkan jantina

Aspek	Jantina	N	Tahap Signifikan	Nilai t	Nilai df
Kemahiran Teknologi	Lelaki	82	0.730	-1.338	97
	Perempuan	17		-1.321	22.836
Peraturan Keselamatan dan Amalan Baik	Lelaki	82	0.81	-0.089	97
	Perempuan	17		-0.081	21.388
Kemahiran Generik	Lelaki	82	0.755	-1.437	97
	Perempuan	17		-1.519	24.526

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap kepuasan majikan terhadap pelajar-pelajar Latihan Industri Kolej Komuniti Jempol bagi kesemua aspek. Berdasarkan jadual 8 diatas, didapati nilai signifikan mengikut jantina bagi aspek Kemahiran Teknologi adalah $p=0.730$ di mana nilai tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Dapatan kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi keputusan ujian-t bagi aspek Peraturan Keselamatan dan Amalan Baik ($t= 0.81$; $p>0.05$). Begitu juga dengan aspek Kemahiran Generik ($t= 0.755$; $p>0.05$).

Apakah hubungan diantara tahap persepsi majikan terhadap pelajar di Kolej Komuniti Jempol semasa Latihan Industri berdasarkan jantina?

Jadual 9: Hubungan antara persepsi majikan dari sudut aspek berdasarkan jantina

Aspek	N	Jantina	Hubungan
Kemahiran Teknologi	99	Nilai Korelasi Pearson $r = 0.135$	Lemah
Peraturan Keselamatan dan Amalan Baik	99	Nilai Korelasi Pearson $r = 0.090$	Lemah
Kemahiran Generik	99	Nilai Korelasi Pearson $r = 0.144$	Lemah

Jadual 9 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi Ujian Korelasi Pearson untuk menentukan tahap persepsi majikan terhadap pelajar Latihan Industri di Kolej Komuniti Jempol dari sudut aspek kemahiran Teknologi, Peraturan Keselamatan & Amalan Baik dan Kemahiran Generik berdasarkan jantina. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang lemah antara tahap persepsi majikan terhadap pelajar Latihan Industri berdasarkan jantina bagi setiap aspek iaitu Kemahiran Teknologi, didapati ($r=0.135$, $N=99$, $p<0.01$), Peraturan Keselamatan & Amalan Baik ($r=0.090$, $N=99$, $p<0.01$) dan ($r=0.144$, $N=99$, $p<0.01$) bagi Kemahiran Generik.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa tahap persepsi majikan terhadap kemahiran *employability* pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa latihan industri berdasarkan aspek kemahiran teknologi, peraturan keselamatan dan amalan baik serta kemahiran generik adalah sangat baik. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Kolej Komuniti Jempol mampu memenuhi keperluan pasaran dan kehendaki industri. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi majikan terhadap pelajar-pelajar Kolej Komuniti Jempol sama ada lelaki atau perempuan. Dapatan ini menunjukkan bahawa jantina bukan faktor utama menentukan tahap persepsi majikan terhadap kemahiran *employability* pelajar. Ujian Korelasi Pearson, menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang lemah diantara persepsi majikan terhadap pelajar-pelajar Kolej Komuniti Jempol sama ada lelaki atau perempuan.

Walaupun bagaimanapun, penyelidik mencadangkan bahawa Kolej Komuniti perlu sentiasa memastikan dan meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar melalui program-program berbentuk *upskilling* dan *reskilling* bagi memastikan graduan Kolej Komuniti sentiasa memenuhi kehendak dan keperluan industri. Justeru itu, pensyarah-pensyarah juga perlu didedahkan kepada perkembangan teknologi dan kemahiran terkini bagi mengekalkan serta meningkatkan peranan Kolej Komuniti dalam melahirkan graduan berkemahiran dan meningkatkan peranan kolej komuniti dari aspek kecemerlangan kapasiti bakat (Razzian et al. 2017).

Rujukan

- Ab. Hadi, M. Y. (2005). Kesediaan Pengetahuan Celik Komputer Bagi Memenuhi Keperluan Kerjaya Bersifat K-Worker: Satu Tinjauan Di Kalangan Pelatih-pelatih Pusat Latihan Kemahiran. In *Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-18* (pp. 411–415).
- Ahmad Rizal, M., Malyia Afzan, A. A., Abdul Rasid, Abd. R., Mohamad Zaid, M., & Yahya, B. (2008). Kemahiran Employability Bagi Memenuhi Keperluan Industri. *Prosiding SKIKS 08*, 385–392.
- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. (2017). *Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Kolej Komuniti*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.
- Hazilah Mohd Amin, Johari Jaafar, Zaihosnita Hood, Saidah Saad, & Hamizah Mohd Amin. (2013). Kemahiran insaniah pelajar prasiswazah: Analisis perbezaan jantina. *Jurnal Teknologi*.
- Kontoghiorghes, C. (2004). Reconceptualizing the learning transfer conceptual framework: empirical validation of a new systemic model. *International Journal of Training and Development*, 8(3), 210–221. <https://doi.org/10.1111/j.1360-3736.2004.00209.x>
- Razzian Mat Razali, Rasmuna Hussain dan Ahmad Khairunizam (2017): Laporan Kajian Persepsi Warga Kolej Komuniti Terhadap Peranan dan Fungsi Kolej Komuniti. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning, Vol.1*
- Salas, E., Tannenbaum, S. I., Kraiger, K., & Smith-Jentsch, K. A. (2012). The Science of Training and Development in Organizations: What Matters in Practice. *Psychological Science in the Public Interest, Supplement*, 13(2), 74–101. <https://doi.org/10.1177/1529100612436661>

- Sharifah Hana, A. R., Zaini Yusnita, M. J., Rabi'ah, M. S., & Maffuza, S. (2015). Faktor-faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Di Institut Pengajian Tinggi (IPT): Satu Sorotan. *ICASiC2015 (e-ISBN 978-967-0792-02-6)*.
- Siti Fardaniah, A. A. (2018). Bagaimana Organisasi Boleh Memotivasikan Pekerja untuk Belajar dalam Latihan: Persepsi Ahli Akademik. *Jurnal Akademika*, 88(2), 5–20. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-01>